



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 73

4hb Jun 2020

No. 12

No. 956.

AKTA EKSAIS 1976

(Akta 176)

MESYUARAT LEMBAGA PELESENAN EKSAIS DAERAH BAGAN DATUK

Dengan ini adalah diberitahu Lembaga Pelesenan (Eksais) Daerah Bagan Datuk akan mengadakan persidangannya di Bilik Gerakan, Aras 1, Pejabat Daerah & Tanah Bagan Datuk pada hari Khamis, 18 Jun 2020, jam 10.30 pagi bagi menimbangkan permohonan-permohonan seperti berikut.

- (a) Permohonan memperbaharui Lesen Menjual Minuman Keras Runcit/Borong bagi tempoh 1 Julai 2020 hingga 31 Disember 2020.
 - (b) Permohonan menukar nama Lesen Menjual Minuman Keras Runcit/Borong bagi tempoh 1 Julai 2020 hingga 31 Disember 2020.
 - (c) Permohonan Baru Lesen Menjual Minuman Keras Runcit/Borong bagi tempoh 1 Julai 2020 hingga 31 Disember 2020.
2. Semua permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang yang boleh didapati dari pejabat ini dalam sepuluh (10) salinan dan kemukakan kepada Pengerusi, Lembaga Pelesenan (Eksais) Bagan Datuk pada atau sebelum 30 April 2020.
3. Semua permohonan lesen baru hendaklah menyertakan sepuluh (10) salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan yang sah. Pemohon juga dikehendaki mengiklankan permohonannya di dalam dua (2) jenis surat khabar berbahasa Malaysia dan Inggeris perbelanjaan sendiri serta salinan iklan itu diletakkan (pamer) di hadapan Pintu perniagaannya dalam 2 minggu dari tarikh iklannya.

4. Mana-mana bantahan terhadap permohonan lesen baru hendaklah disampaikan kepada Pengerusi, Lembaga Pelesenan (Eksais) Daerah Bagan Datuk dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengiklanan.

[PDT(BD)A/28/2016]

MUHAMMAD AMIN BIN SAFE
*Lembaga Pelesenan (Eksais) Daerah
 Bagan Datuk*

KANUN TANAH NEGARA
 (Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE
 (Act 56 of 1965)

No. 957.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Wilayah Taman Inai, Mukim Gerik, Daerah Hulu Perak, yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu suatu tapak untuk Kawasan Lapang dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Daerah Gerik.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56 of 1965], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Wilayah Taman Inai, Mukim of Gerik, District of Hulu Perak described in the Schedule for a public purpose, to wit, as a site for Open Space and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Gerik District Council.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/*District*—Hulu Perak. Mukim/*Mukim*—Gerik. No. Pelan/*Plan No.*—P.A. 165772. No. Lot/*Lot No.*—20127. Luas/*Area*—7,947 meter persegi/*square metres*.

Bertarikh 11 Mei 2020

Dated 11 May 2020
 [PTG.Pk. 238/4-73(C);
 PT.GK. 352/111/02/2004;
 PU.Pk. 67/71-54 Jld. 101]

MUHAMMAD NAZRI BIN ABDULLAH
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri/
Secretary
State Executive Council
Perak

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

4hb Jun 2020]

887

No. 958.

(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS TUNTUTAN: HASIL TERHUTANG

Kepada Wangsa Tepat Sdn. Bhd., yang beralamat di RM.7, 2nd Floor, Chua Cheng Bok Building, Jalan Brewster, Ipoh, Perak dan/atau 147 (1st Floor), Jalan Gopeng, 31900 Kampar, Perak dan/atau 105 Jalan Jaya 8, Bandar Baru Jaya, 31900 Kampar, Perak, tuanpunya tanah/tanah-tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya hasil yang dikenakan bagi tanah/tanah-tanah yang tersebut dan yang kena dibayar bagi tahun ini telah tidak dibayar dan adalah terhutang mulai 1hb Jun.

Tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Daerah dan Tanah Kampar segala wang yang sekarang ini kena dibayar sebagaimana yang tercatat dalam ruangan tiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan adalah diberi notis bahawa, jika jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut itu, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100 Kanun Tanah Negara, akan mengisyiharkan dengan jalan perintah tanah/tanah-tanah yang berkenaan itu dirampas dan menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

JADUAL TANAH DAN HUTANG-HUTANG

Jenis dan No. Hakmilik	No. Lot	Hasil tahun ini	Hutang dari tahun-tahun yang lepas	Bayaran yang dikenakan sebagai hasil	Bayaran- bayaran terhutang	Jumlah kena dibayar
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
		RM	RM	RM	RM	RM
Pajakan Negeri		2020	2004-2019	Denda Lewat 2004-2020	Notis 6A	
325805	300180	279.00	4,002.00	214.10	20.00	4,492.10
Mukim Kampar		Remisyen 23.00				
		Jumlah 256.00				

Bertarikh 6 Mei 2020
[PT.Kpr.(H) 17/12 Jld. 2 SJ. 38]

Pentadbir Tanah Daerah
Kampar

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

888

[4hb Jun 2020]

No. 959.

(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS TUNTUTAN: HASIL TERHUTANG

Kepada Alladdin alias Aladin bin Edin (17/288 bhg.), Haji Mohamed Ali alias Haji Omar bin Edin (17/288 bhg.), Haji Mohamed Yusoff bin Edin (17/288 bhg.), Uda Leka binti Hussein (1/2 bhg.) dan Alladdin alias Aladin bin Edin sbg. Representative 1 (93/288 bhg.), tuanpunya tanah/tanah-tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya hasil yang dikenakan bagi tanah/tanah-tanah yang tersebut dan yang kena dibayar bagi tahun ini telah tidak dibayar dan adalah terhutang mulai 1hb Jun.

Tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Daerah dan Tanah Kampar segala wang yang sekarang ini kena dibayar sebagaimana yang tercatat dalam ruangan tiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan adalah diberi notis bahawa, jika jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut itu, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100 Kanun Tanah Negara, akan mengisyiharkan dengan jalan perintah tanah/tanah-tanah yang berkenaan itu dirampas dan menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

JADUAL TANAH DAN HUTANG-HUTANG

Jenis dan No. Hakmilik	No. Lot	Hasil tahun ini	Hutang dari tahun-tahun yang lepas	Bayaran yang dikenakan sebagai hasil	Bayaran- bayaran terhutang	Jumlah kena dibayar
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
		RM	RM	RM	RM	RM
Pajakan Negeri		2019	1986-2018	Denda Lewat 1986-2019	Notis 6A	
330781	579	93.00	3,475.00	178.40	20.00	3,766.40
Mukim Teja		Jumlah 93.00				

Bertarikh 6 Mei 2020
[PT.Kpr.(H) 17/12 Jld. 2 SJ. 67]

Pentadbir Tanah Daerah
Kampar

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

4hb Jun 2020]

889

No. 960.

(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS TUNTUTAN: HASIL TERHUTANG

Kepada Ng Kok Hoong, yang beralamat di 37 Leboh Ipoh, Ipoh Garden, 31400 Ipoh, Perak, tuanpunya tanah/tanah-tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya hasil yang dikenakan bagi tanah/tanah-tanah yang tersebut dan yang kena dibayar bagi tahun ini telah tidak dibayar dan adalah terhutang mulai 1hb Jun.

Tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Daerah dan Tanah Kampar segala wang yang sekarang ini kena dibayar sebagaimana yang tercatat dalam ruangan tiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan adalah diberi notis bahawa, jika jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut itu, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100 Kanun Tanah Negara, akan mengisyiharkan dengan jalan perintah tanah/tanah-tanah yang berkenaan itu dirampas dan menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

JADUAL TANAH DAN HUTANG-HUTANG

Jenis dan No. Hakmilik	No. Lot	Hasil tahun ini	Hutang dari tahun- tahun yang lepas	Bayaran yang dikenakan sebagai hasil	Amaun lebih	Bayaran- bayaran terhutang	Jumlah kena dibayar
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)	(8)
		RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pajakan Negeri		2020	2013- 2019	Denda Lewat 2013-2020		Notis 6A	
331340	223453	1,174.00	7,208.00	419.10	98.00	20.00	8,622.10
Mukim Teja		Remisyen 101.00					
		Jumlah 1,073.00					

Bertarikh 6 Mei 2020
[PT.Kpr.(H) 17/12 Jld. 2 SJ. 105]

Pentadbir Tanah Daerah
Kampar

No. 961.

(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS TUNTUTAN: HASIL TERHUTANG

Kepada Abdul Wahab bin Haji Salleh (7/96 bhg.), Aminah binti Badu (7/96 bhg.), Bedah binti Badu (7/96 bhg.), Beejan binti Pandita Malim (12/96 bhg.), Itam binti Badu (7/96 bhg.), Jumah binti Badu (7/96 bhg.), Mohamed Isa alias Mohamed Isa bin Badu (14/96 bhg.), Rahmah binti Badu (7/96 bhg.), Tiawah binti Badu (7/96 bhg.), Ibrahim bin Badu sbg. Wakil 1 (7/96 bhg.) dan Ibrahim bin Badu sbg. Pemegang Amanah 1 (14/96 bhg.), yang beralamat di 66 Gunung Mesah Hulu, 31600 Gopeng, tuanpunya tanah/tanah-tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual di bawah ini.

Bahwasanya hasil yang dikenakan bagi tanah/tanah-tanah yang tersebut dan yang kena dibayar bagi tahun ini telah tidak dibayar dan adalah terhutang mulai 1hb Jun.

Tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Daerah dan Tanah Kampar segala wang yang sekarang ini kena dibayar sebagaimana yang tercatat dalam ruangan tiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan adalah diberi notis bahawa, jika jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut itu, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100 Kanun Tanah Negara, akan mengisyiharkan dengan jalan perintah tanah/tanah-tanah yang berkenaan itu dirampas dan menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

JADUAL TANAH DAN HUTANG-HUTANG

Jenis dan No. Hakmilik	No. Lot	Hasil tahun ini	Hutang dari tahun-tahun yang lepas	Bayaran yang dikenakan sebagai hasil	Bayaran-bayaran terhutang	Jumlah kena dibayar
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
		RM	RM	RM	RM	RM
Geran		2019	2001-2018	Denda Lewat 2001-2019	Notis 6A	
127901	32	251.00	3,873.00	206.20	20.00	4,350.20
Bandar Gopeng		Jumlah				
		251.00				

Bertarikh 6 Mei 2020
[PT.Kpr.(H) 17/12 Jld. 2 SJ. 76]

*Pentadbir Tanah Daerah
Kampar*

No. 962.

(Seksyen 168)

**NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran telah diakui hilang oleh Nurul Fadzila binti Masri, 1C Kuarters Kakitangan Kerajaan, 33100 Pengkalan Hulu, Perak.

JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—Pengkalan Hulu. No. Lot—5880. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 1235. Luas—1.513 hektar. Nama Tuan Tanah Berdaftar—Nurul Fadzila binti Masri (19/96 bhg.), Susiyanti binti Masri (19/96 bhg.), Che Ahmah binti Nyak Saad (20/96 bhg.), Siti Ainshah binti Masri (19/96 bhg.) dan Nur Ashikin binti Masri (19/96 bhg.).

Bertarikh 19 Mei 2020
[PTPH. 1282/2]

*Pentadbir Tanah Daerah
Hulu Perak*

No. 963.

(Seksyen 168)

**NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Hakmilik keluaran telah diakui hilang dalam simpanan pemilik berdaftar.

JADUAL

Mukim—Gerik. No. Lot—11342. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 2512. Luas—1.345 hektar.

Bertarikh 20 Mei 2020
[PTGK. 361/1/012/2020]

NURUL HIDAYAH BINTI ABDUL RAHMAN
*Pentadbir Tanah Daerah
Hulu Perak*

No. 964.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Zaheruddin bin Ismail yang beralamat di Lot 965, Parit 6, 6/R Pekan Rabu, 36600 Chenderong Balai dan/atau 420 Persiaran Mutiara 1, Taman Desa Majuperak, 36700 Langkap, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini tanah kekal yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah Hilir Perak, 36000 Teluk Intan pada hari Selasa bersamaan dengan 16 Jun 2020, jam 10.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Changkat Jong. No. Lot—12057 (P.T. 3974). Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 2698 (H.S.(M) 2152). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 1116/2002.

Bertarikh 17 Mac 2020
[PTHP. 9/1535]

ROGAYAH BINTI ZAINAL ABIDIN
*b.p. Pentadbir Tanah Daerah
Hilir Perak*

No. 965.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Shafri bin Zaidon yang beralamat di 18-G-06 Block 18, Pangsapuri Rista Villa Putra Perdana 12, 47130 Selangor, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah kekal yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Aras Bawah, Pejabat Tanah Hilir Perak, 36000 Teluk Intan pada hari Selasa bersamaan dengan 16 Jun 2020, jam 11.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Changkat Jong. No. Lot—11685 (P.T. 3602). Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 2214 (H.S.(M) 1552). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 530/1999.

Bertarikh 17 Mac 2020
[PTHP. 9/1538]

ROGAYAH BINTI ZAINAL ABIDIN
b.p. Pentadbir Tanah Daerah
Hilir Perak

No. 966.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya Rogayah binti Zainal Abidin, Penolong Pentadbir Tanah Hilir Perak pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 24 Jun 2020 (Rabu) jam 10.00 pagi di Dewan Pegawai Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak, Teluk Intan; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM130,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Tiga Puluh Ribu sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh 13-2-2020 ialah RM95,194.23—Bank Islam Malaysia Berhad dan lain-lain bayaran yang perlu dikutip.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM13,000.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Belas Ribu sahaja). Bagi penawar-penawar yang berminat adalah dikehendaki mendeposit dalam bentuk bank draf atas nama Bank Islam Malaysia Berhad;
- (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;

- (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian.
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh (120) hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 21 Oktober 2020 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam peranggan (d), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Durian Sebatang. No. Lot—27772. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 5106. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 654/2002.

Bertarikh 17 Mac 2020
[PTHP. 9/1539]

ROGAYAH BINTI ZAINAL ABIDIN
*Penolong Pentadbir Tanah Daerah
Hilir Perak*

Hakcipta Pencetak 

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA